

NO. SOALAN : 105

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' SRI DR. HJ. IRMOHIZAM BIN
IBRAHIM
[KUALA SELANGOR]**

SOALAN :

YB. Dato' Sri Dr. Hj. Irmohizam Bin Ibrahim [Kuala Selangor] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah bantuan yang boleh diberikan oleh pihak Kementerian bagi mempromosikan produk pelancongan *Sky Mirror* di Kuala Selangor kepada pelancong tempatan dan asing serta adakah pihak Kementerian bercadang untuk membina dan meningkatkan fasiliti di kawasan terbabit.

**JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, *Sky Mirror* merupakan produk pelancongan baru di Kuala Selangor. Kementerian dengan kerjasama Tourism Malaysia (TM) dan Persatuan Malaysian Inbound Chinese Association (MICA) telah membawa seramai 16 agensi pelancongan dan 4 wakil media dari Shenzhen, China pada 15 Disember 2016 . Lawatan suaikenal (FAM Tour) ini diadakan bagi membangunkan pakej-pakej pelancongan disekitar Kuala Selangor dan Sabak Bernam termasuk *Sky Mirror*.

Susulan daripada lawatan tersebut, Kementerian telah menerima seramai 36 agensi pelancong dan 7 Media dari Negara China pada 5 Mac 2017. Kumpulan ini akan dibawa ke *Sky Mirror* dan beberapa produk sekitarnya. Selain itu, Kementerian telah meluluskan permohonan lesen pelancongan kepada Syarikat Sky Mirror Travel And Tours Sdn. Bhd. bagi bagi menjual pakej lawatan ke Sky Mirror.

Kementerian akan melihat terhadap potensi pembangunan di *Sky Mirror*, Kuala Selangor dan peningkatan fasiliti

pelancongan adalah berdasarkan keperluan. Sehubungan dengan itu, Kementerian ini mengalu-alukan sebarang cadangan daripada Yang Berhormat sekiranya ada produk–produk pelancongan yang berpotensi dibangunkan di Kuala Selangor untuk di kemukakan dibawah Rolling Plan, RMKe11 pada tahun 2017.

Sekian, terima kasih.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BERTULIS : **DATO' SRI DR HAJI IRMOHIZAM**
DARIPADA **BIN IBRAHIM**
[KUALA SELANGOR]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dato' Sri Dr Haji Irmohizam Bin Ibrahim [Kuala Selangor] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status cadangan pembinaan SMK Saujana Utama 2 memandangkan sekolah sedia ada di sekitar kawasan tersebut sudah terlalu padat dan tidak mampu menampung jumlah kapasiti pelajar yang semakin meningkat.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Projek SMK Saujana Utama 2 telah dipohon sebagai projek baharu dalam *Rolling Plan* Pertama (RP1) sehingga RP4 RMKe-10 tetapi tidak diluluskan. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan Malaysia sekali lagi telah membuat permohonan semula dalam RMKe-11. Projek pembinaan SMK Saujana Utama 2, Selangor telah diluluskan dalam RMKe- 11. Pada masa ini pelaksanaan projek sekolah tersebut berada pada peringkat reka bentuk.

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

PERTANYAAN : **BERTULIS**
DARIPADA : **YB DATO' SERI DR. IRMOHIZAM BIN
IBRAHIM [KUALA SELANGOR]**
SOALAN : **107**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan usaha dan inisiatif yang dilakukan oleh kementerian dalam menggalakkan pengkomersialan produk-produk bioteknologi. Sejauh manakah pelaksanaan inisiatif tersebut membantu pembangunan industri bioteknologi negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Malaysian Bioeconomy Development Corporation (Bioeconomy Corporation) melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menggalakkan pengkomersialan produk-produk bioteknologi. Antara inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) Menawarkan dua (2) program dana pengkomersialan iaitu *Biotechnology Commercialisation Fund 1.0* (BCF 1.0) dan *Biotechnology Commercialisation Fund 2.0* (BCF 2.0). Objektif pemberian dana ini adalah untuk meningkatkan aktiviti pengkomersialan produk dan perkhidmatan bioteknologi serta

memberi bantuan dalam mengembangkan perniagaan yang sedia ada.

Biotechnology Commercialisation Fund 1.0 (BCF 1.0) adalah pembiayaan yang telah diberikan sepanjang RMKe-10 (2011-2015). Sebanyak RM65.7 juta peruntukan telah diluluskan kepada 23 syarikat Bionexus yang layak dalam kategori Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Manakala *Biotechnology Commercialisation Fund 2.0* (BCF 2.0) telah diperkenalkan dalam RMKe-11 (2016-2020). Skim pembiayaan ini diberikan kepada syarikat secara pinjaman dengan kadar faedah sebanyak 5% dan keseluruhan kos yang diluluskan adalah RM100 juta bagi tempoh lima (5) tahun. Dijangka sekurang-kurangnya 35 syarikat berasaskan bio akan memperoleh faedah daripada skim bantuan ini;

- (ii) Bioeconomy Corporation juga telah mewujudkan program Bioshoppe iaitu platform untuk mempromosi dan memasarkan produk-produk kesihatan dan penjagaan diri keluaran syarikat berstatus BioNexus. Secara keseluruhannya, BioShoppe membantu membangunkan industri bioteknologi negara dalam aspek berikut:
 - (a) membantu mempromosi dan meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap produk berasaskan bio melalui pameran dan expo di dalam dan luar negara;
 - (b) membantu dalam meningkatkan kemahiran keusahawanan melalui program-program latihan dan bengkel yang dianjurkan; dan

- (c) sebagai inkubator bagi membantu mewujudkan penjenamaan yang kukuh bagi produk berasaskan bio tempatan.

Melalui inisiatif ini, jumlah produk yang telah dipasarkan adalah melebihi 300 jenis produk daripada 25 syarikat berstatus BioNexus; dan

- (iii) Bioeconomy Corporation telah memperkenalkan Program BioNexus Partners (BNP) yang merupakan salah satu komponen yang penting dalam ekosistem pengkomersialan *research & development* (R&D) bioteknologi. Melalui program ini, kapasiti R&D&C yang sedia ada daripada makmal dan kepakaran yang terpilih di institut pengajian tinggi awam (IPTA), institusi penyelidikan (RI) dan syarikat milik kerajaan (GLC) telah dianugerahkan sebagai makmal berstatus BioNexus Partners (BNP). Inisiatif ini bertujuan memenuhi keperluan R&D dan pengkomersialan produk oleh pihak industri dengan menyediakan akses industri kepada kepakaran, fasiliti dan perkhidmatan bioteknologi yang sedia ada.

Sehingga kini terdapat 53 makmal yang berstatus BNP meliputi 13 IPTA, 3 RI dan 3 GLC yang menawarkan lebih daripada 300 jenis perkhidmatan. Selain itu, lebih daripada 1000 projek kerjasama dan perkhidmatan telah ditawarkan kepada pihak industri bagi menyokong pengkomersialan R&D berasaskan bio.

Bagi membangunkan industri bioteknologi, Bioeconomy Corporation telah memberi status BioNexus kepada syarikat yang berkelayakan. Pakej insentif khusus disediakan kepada syarikat berstatus BioNexus bagi meningkatkan daya saing syarikat tersebut. Sehingga kini, sebanyak 278

syarikat telah diiktiraf sebagai syarikat berstatus Bionexus dengan jumlah pelaburan sebanyak RM6.68 billion. Antara syarikat berstatus BioNexus yang telah berjaya dibangunkan melalui inisiatif ini ialah Tropical Bioessence Sdn Bhd, Green World Genetics Sdn Bhd, Kenaf Bio Solution Sdn Bhd, QL Agrobio Sdn Bhd dan Bioalpha R&D Sdn Bhd.

Selain daripada itu, MOSTI telah memperkenalkan Program Transformasi Bioekonomi (BTP) yang merupakan kerangka untuk membangunkan sektor bioekonomi negara melalui ekosistem R&D dan pengkomersialan lestari dalam bidang bioteknologi pertanian, penjagaan kesihatan dan bioteknologi industri. Sehingga Disember 2016, BTP mempunyai 12 Projek Permulaan (EPP) dan 61 projek *trigger* dalam sektor bio-pertanian, bio-perubatan dan bio-industri. Adalah dijangka program ini berupaya menjana Pendapatan Negara Kasar (GNI) sebanyak RM6.2 bilion pada tahun 2020, menyediakan 26,550 peluang pekerjaan dan menghasilkan pelaburan terkumpul sebanyak RM18.6 billion.

Sekian, terima kasih.